



SALFALIZA MAT SAAD

**KAUNSELOR BERDAFTAR (KB)
PERAKUAN AMALAN (PA)
KB 00394; PA 00271, MALAYSIA**

LATAR BELAKANG

Puan Salfaliza Mat Saad (K.B 00394, P.A 00271; Mal) atau Cr. Salfaliza Mat Saad berasal dari Yan Kedah. Anak sulung daripada 3 orang adik-beradik perempuan. Bapa meninggal dunia ketika berumur 3 tahun dan dibesarkan oleh Ibu sejak berumur 3 tahun. Ibu telah meninggal dunia pada tahun 2002 sebagai pesakit Kanser. Telah berkahwin (suami merupakan kakitangan kerajaan di sebuah institut latihan) dan mempunyai 3 orang anak: 2 orang Perempuan (23 dan 22 tahun merupakan siswazah di IPTA dalam bidang Mikrobiologi Perubatan dan Senibina) dan seorang anak lelaki (istimewa berumur 20 tahun). Pernah menetap di Melaka selama 10 tahun dan telah menetap di Selangor sejak tahun 2006 hingga kini. Kini, sedang bekerja di salah sebuah Badan Berkanun di Malaysia dan melaksanakan tugas luar sebagai Kaunselor Berdaftar dan sebagainya dengan memperolehi kelulusan melakukan pekerjaan luar dari majikan.

PENDIDIKAN

PhD - Bimbingan dan Kaunseling (pelajar)
EdD - Doktor Pendidikan (final)

SARJANA
Master Sains Bimbingan dan Kaunseling (UPM), 2002

SARJANA MUDA
Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Dengan Kepujian (UUM), 1997

PENGALAMAAN

Pernah berkhidmat di Kolej Yayasan Melaka atau Kolej International Yayasan Melaka (1997 – 2000) dan menjalani latihan sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik (2001). Sepanjang 20 tahun perkhidmatan di salah sebuah Badan Berkanun di Malaysia, telah berkhidmat sebagai Ketua Unit Pentadbiran (31/5/2002 – 30/4/2006), sebagai Pensyarah di Pengajian Pengurusan, Ketua Unit Kewangan dan Perolehan, Ketua Unit Pengajian Kepimpinan dan Pensyarah di Pusat Latihan Pengurusan (1/5/2006 hingga 31/8/2012). Bertugas sebagai Ketua Unit Pembangunan Kerjaya, Ketua Unit Peningkatan Kerjaya, Ketua Unit Psikologi/ Kaunselor dan Ketua Unit Pembangunan Bakat/ Timbalan Pengarah Bahagian Pengurusan Potensi serta Kaunselor Organisasi (1/9/2012 hingga 31/7/2017). Pada 1/8/2017 menyandang jawatan sebagai Ketua Seksyen Latihan Pengurusan Dalam Perkhidmatan (SLPDP)/ Pensyarah/ Timbalan Pengarah (TP). Pernah melaksanakan tugas sebagai Pengarah Pusat Latihan Pengurusan (PLP)/ TP/ Ketua SLPDP dan Pensyarah pada 1/7/2019 hingga 31/5/2020. Pada 1/6/2020 hingga kini menyandang jawatan sebagai Ketua SLPDP dan Pensyarah di PLP.

25 tahun dalam bidang latihan sebagai Kaunselor Berdaftar/ Pensyarah/ *Trainer Officer/ Freelance Consultant* dalam organisasi dan di luar organisasi. Kini masih bekerja di salah sebuah Badan Berkanun di Malaysia.

Telah menyampaikan 200 lebih topik ceramah dalam organisasi dan luar organisasi (NGO/ Jabatan Kerajaan Negeri/ Kementerian/ Badan berkanun/ Universiti/ Kolej/ Sekolah dan sebagainya) sepanjang pengalaman dalam bidang latihan sebagai Tenaga Pengajar/ Pensyarah/ Penceramah Jemputan/ *Freelance/* Kaunselor Berdaftar dalam pelbagai bidang *soft skill/* kepakaran seperti topik berkaitan motivasi, coaching, kualiti, pengurusan stress, kesihatan mental dan sebagainya lagi. Berpengalaman sebagai Pembentang/ Ahli Forum di luar organisasi sama ada Dalam Negara atau Luar Negara, dari tahun 2002 hingga kini, telah menjadi pembentang kertas penyelidikan/ ahli forum/ panel dalam/ luar negara dalam 19 program/ aktiviti/ topik. Pada tahun 2021 telah menjadi Ahli Panel (*Speaker*) bersama YBhg. Prof. Datuk Dr. Mat Saat Baki untuk *Women Conference 2021 “The Equation of Success and Happiness”* pada 9 Mac 2021 yang dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood (Penasihat Khas Perdana Menteri mengenai Kesihatan Awam pada ketika itu).

ANUGERAH DITERIMA/ PENGIKTIRAFAN/ PENCAPAIAN

1. Anugerah Khidmat Cemerlang
2. Anugerah Pensyarah Cemerlang
3. Calon Anugerah Pensyarah Terbaik 2019 (Malam Gala 2020)
4. Anugerah Platinum Pensyarah Terbaik Tahun 2021
5. Anugerah Most Outstanding Tahun 2021
6. Senarai Top 10 Penulisan Ilmiah/ Akademik Terbaik Persidangan Psikologi Perkhidmatan Awam (PSIPA) 2016 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
7. *Top 5 Best Seller: 30 Formula Kebahagiaan dan Kejayaan Siri 1*
8. *5 Star eBook: 30 Formula Kebahagiaan dan Kejayaan Siri 1*
9. *2 Star eBook: Tip Pikat Bos "Bos Oh Bos"*
10. *1 Star eBook: Gugup dan Gementar Ketika Pembentangan: Hadapi Dengan Yakin Siri 1*
11. *1 Star eBook: Gugup dan Gementar Ketika Pembentangan: Hadapi Dengan Yakin Siri 2*
12. Berjaya dalam peperiksaan oleh Oxford University untuk menerbitkan journal/ penulisan dalam Oxford University Journal (OUJ) pada 13 Sept. 2020
13. Peserta Terbaik Kursus Penyampaian Suara Dengan Berkesan 20 hingga 21 Mei 2021 oleh Awaken Training & Consultancy
14. Pensijilan HRDF/ HRDC
15. Pakar Rujuk untuk kajian pelajar Doktor Falsafah oleh sebuah IPTA
16. Berjaya memperolehi pensijilan profesional dari Lembaga Kaunselor Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan pensijilan Kaunselor Berdaftar (KB00394) dan Perakuan Amalan (PA00271) sekaligus meletakkan diri dalam kalangan barisan profesional kaunselor yang mempunyai nombor pendaftaran 500 dan ke bawah. Perkara ini menyebabkan sering menjadi rujukan oleh *Junior* Kaunselor dan pelajar Kaunseling.
17. Terlibat dalam menyediakan/ menggubal/ memberi idea sebagai Pasukan Kerja/ Jawantankuasa/ Peserta Pemurnian @ Bengkel dalam Dasar Kaunseling Negara

PENSIJILAN PROFESIONAL

1. Kaunselor Berdaftar (KB00394)
2. Perakuan Amalan (PA00271)
3. Ujian Psikologi
4. Ujian Personaliti
5. Psikometrik Bertauliah (JPA)
6. Psikologi Pendidikan (APA)
7. Neuro Linguistic Programming
8. Spiritual Emotional Freedom Therapy (SEFTER)
9. Coaching (COACH)
10. Talent Management (Dr. William A. Schiemann)
11. HR Change Champion: Tool & Technique (Prof. Dave Ulrich)
12. Strategic Leadership (PAI)
13. Hypnosis
14. HRDF/HRDC (TTT22114)
15. Practitioner & Certified Art Therapy (MEATA/UUM/UKM)
16. Certified Advisor/ Certified Trainer e-Book (387/221)
17. Certified Professional Neuro Psychology (CPNp 00067)
18. Color Brain (*in progress*)

PENULISAN

Aktif menulis di mana sehingga Tahun 2021, telah menghasilkan sebanyak 46 penulisan artikel/ buku/ eBook dalam organisasi dan luar organisasi. Selain itu sepanjang perkhidmatan di Badan Berkanun, telah berjaya menjalankan tujuh (7) kajian ilmiah (Keberkesanan Kursus) yang diterima pakai dalam penyediaan Garis Panduan/ Modul Kursus/ Topik Kursus/ Dasar/ Pekeliling dan sebagainya dalam organisasi. Mempunyai kedai eBook di laman web <https://ebooksalfaliza.com>.

Telah menghasilkan 16 Penulisan Ilmiah/ Akademik dan membentangkan 19 Kertas Penyelidikan/ pembentangan/ *country paper* dalam negara dan luar negara. Menghasilkan 3 Kertas Prosiding dan 1 Tesis (Penggunaan Teknologi Dalam Kalangan Kaunselor Negeri Melaka rujuk Perpustakaan Penyelidikan Kementerian Pendidikan Malaysia).

AKTIVITI

Penglibatan Dalam Persatuan/ Sukarelawan: Aktif dalam aktiviti Persatuan sama ada dalam organisasi atau di luar organisasi. Sehingga kini menjadi Ahli Jawatankuasa/ Ahli Seumur Hidup/ Ahli dalam 9 persatuan.

Di antaranya:

1. Persatuan Kaunseling Malaysia Antarabangsa (PERKAMA):
Ahli Seumur Hidup (ASH 00976)
2. Persatuan Kaunselor Pendidikan Malaysia (PEKA): Ahli Seumur Hidup (LM 4303)
3. ALUMNI Public Administration International United Kingdom (PAI)
4. Majlis Kanser Negara (MAKNA MHQA 11474)
5. Member Malaysian Institute of Management (MIM)
6. Ahli Persatuan Ekonomi Malaysia
7. Ahli Kelab Penulis Muda Malaysia (KPMM) 2021-025
8. Sukarelawan Kaunselor KPWKM & Lembaga Kaunselor Malaysia (SKB 77)
9. Dan sebagainya

Terlibat dalam beberapa aktiviti sebagai Kaunselor dirujuk atau Sukarelawan sama ada dalam NGO/ Persatuan dan sebagainya. Di antaranya terlibat sebagai Sukarelawan Kaunselor (KPWKM) dan Sukarelawan Kaunselor, Lembaga Kaunselor Malaysia dan Sukarelawan Kaunselor Berdaftar Talian Kasih KPWKM. Sukarelawan Kaunselor Komuniti di Negeri Selangor dan Perak.